

“TOWARDS GREENER” POLITEKNIK SEBERANG PERAI, PULAU PINANG 2016

SEBERANG PERAI, 2 Mac 2016- Kampus Politeknik Seberang Perai dengan kerjasama Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dalam mempelajari dan mengetahui ilmu berkaitan kehijauan. Bersempena dengan idea dan cetusan idea Pengarah Politeknik Seberang Perai sebagai Poly Green JMSK telah menyahut seruan pengarah dengan mengadakan satu program bersama seluruh warga kampus dengan mengenangkan amalan dan teknologi berkaitan kehijauan .



Program yang berkonsepkan tema Towards Greener telah berlangsung selama sehari di dataran Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung – pengunjung yang hadir ke program tersebut.



Pelbagai pengisian program dan jemputan pameran daripada agensi kerajaan dan swasta yang telah dirancang berjalan dengan jayanya sepanjang program tersebut berlangsung. Antaranya adalah demonstrasi Unit Pameran Bergerak Teknologi Hijau, Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE>), ceramah serta demonstrasi Penang Science Cluster dan demonstrasi Majlis Perbandaran Seberang Perai.






Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan memupuk minat di kalangan para pelajar para pengunjung yang hadir terhadap situasi terkini di Negara Malaysia yang menjurus kearah Teknologi Hijau. Program yang telah dijalankan ini diserikan lagi dengan kehadiran YBrs. Tuan Zulkifli Bin Ariffin, Pengarah Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang sebagai perasmian bagi majlis Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) Day peringkat Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.



Terkini



Pautan